



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 28 JANUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN TELUR BERANSUR STABIL, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	APMM TAHAN BOT KENDALIAN WARGA ASING, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	AGRICULTURAL MODERNISATION, STAR BIZWEEK, THE STAR -20	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2023	BERITA RTM	ONLINE	

Bekalan telur beransur stabil



JOHOR BAHRU, 28 Januari- Gangguan bekalan telur pada penghujung tahun lalu banyak memberi kesan kepada orang ramai terutamanya golongan pengusaha produk makanan seperti biskut dan roti.

Bagaimanapun bekalan semakin pulih ketika ini dan kebanyakan peniaga mengakui perubahan positif itu.

Wartawan Annaz Md.Nor meninjau aktiviti golongan peniaga di sekitar Johor Bahru.

Telur merupakan salah satu bahan penting untuk menghasilkan kek, roti ataupun biskut, apatah lagi bagi golongan peniaga yang memerlukan kuantiti telur yang sangat banyak.

Pernah berdepan situasi gangguan bekalan..namun difahamkan stok telur kini semakin pulih.

Betul atau tidak kita tanyakan golongan peniaga.

Pengusaha roti dan kek, Noor Fadilah Bakri yang memerlukan sekurang-kurangnya 4 hingga 5 papan telur sehari untuk menyiapkan tempahan mengakui pada suatu ketika berdepan gangguan bekalan telur, namun tidak merencatkan perniagaannya berikutan beliau menggunakan khidmat pembekal.

Beliau gembira bekalan telur ketika ini mencukupi walaupun masih belum seperti sebelumnya.

"Alhamdulillah buat masa ni saya tidak putus bekalan sebab saya gunakan pembekal.

"Cuma pembekal macam pening 'kakak saya cuba, saya cuba' saya cakap tidak kira mereka kena dapatkan pasal kita pakai telur hari-hari, tapi dulu tempah sampai, tapi sekarang kalau tempah kena bagi masa 1 hari," katanya.




(Bekalan telur beransur stabil)

Beliau yang menjalankan perniagaan sejak kira-kira 10 tahun lalu juga berharap bekalan telur tetap stabil terutama menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Sementara itu pengusaha biskut dan kek, Fazilah Roslan kembali menerima tempahan seperti biasa selepas menghentikan tempahan, gara-gara kekurangan bekalan telur penghujung tahun lalu.

Headline	APMM tahan bot kendalian warga asing		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Jan 2023	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	20	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 2,488
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,464



APMM tahan bot kendalian warga asing

GEORGE TOWN: Agensi Pengkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan yang dikendalikan oleh enam kru warga Myanmar yang tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri pada Khamis lalu.

Pengarahnya, Kapten Maritim Abd Razak Mohamed (gambar) berkata, kapal APMM yang sedang menjalankan rondaan Op Perku telah menjalankan pemeriksaan terhadap bot nelayan kelas C itu 21 batu nautika barat daya Pulau Kendi di sini pada 12.30 tengah hari.

Pemeriksaan mendapati bot nelayan yang berpang kelan di Bagan Hulan Melintang, Perak itu dikendalikan oleh seorang tekong dan lima kru yang kesemuanya warga Myanmar berumur antara 24 dan 33 tahun.

Pemeriksaan lanjut ke atas dokumen mendapati mereka tidak mempunyai sebarang surat pengenalan

diri yang sah dan pemilik bot telah melakukan kesalahan meninggalkan warga asing tanpa kebenaran Kelida Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia. Katanya dalam kenyataannya, semalam.

Beliau berkata, mereka ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen, iaitu menggunakan warga asing tanpa kebenaran dan Akta Imigrasi 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Katanya, APMM Pulau Pinang mendapati masih terdapat pengusaha atau pemilik bot yang berdegil mengabaikan pendatang tanpa izin untuk bekerja di atas bot mereka walaupun tangkapan dan amaran dibuat sebelum ini.

- Bernama

Headline	Agricultural modernisation		
MediaTitle	The Star		
Date	28 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Star BizWeek	Circulation	175,986
Page No	20	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,398
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,194



Agricultural modernisation

(From left) Maxis Bhd government segment head Fasliza Rosli, acting chief business officer Claire Featherstone, Malaysian Agricultural Research and Development Institute director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani and deputy director-general (research) Dr Mohamad Kamal Abdul Kadir at a memorandum of understanding signing ceremony between Maxis and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute to explore agricultural modernisation.